KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

چانغ
CANANG

SEPTEMBER 2020

"Menyambut Tahun Baru Hijrah, bererti kita menyingkap balik lembaran sejarah Hijrah, dan bertolak dari sinilah, umat Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam telah bangkit membina tamadunnya yang gilang-gemilang.

Tamadun yang hebat, tidaklah ia mesti dibina dari matabenda, tetapi asasnya adalah 'kemuliaan' dalam kehidupan. Kerana itu, akhlak atau keperibadian yang baik adalah menjadi keutamaan, sebagaimana Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam sendiri menjelaskan akan tujuan Baginda diutus, dengan sabda Baginda, bermaksud:
"Sesungguhnya aku diutus ialah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

Di antara ciri-ciri akhlak mulia itu sangat ketara menjadi pakaian Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam dan juga para sahabat ketika hijrah. Pada diri Baginda Rasulullah, terserlah akhlak yang mulia lagi terpuji, seperti berani, sabar dan tidak berganjak dari melaksanakan perintah Allah. Sementara sahabat-sahabat yang terlibat dalam misi Hijrah juga turut menampakkan akhlak yang luhur menjadi pendokong dan penyokong kuat kepada Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam.

Tidak syak lagi, peristiwa hijrah adalah mengandungi banyak pengajaran untuk dicontohi, seperti mencontohi akhlak Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam dalam menanai perintah Allah, dengan Baginda itu sedikitpun tidak ragu atau takut, sekalipun jalan yang ditempuh sangat sukar dan merbahaya.

Dalam dunia yang penuh dengan pancaroba ini, sangat mustahak bagi umat Islam untuk berpegang kuat kepada nilai-nilai akhlak yang dimiliki oleh Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam dan para sahabat Baginda.
Adapun akhlak teragung Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam ialah Al-Qur'an, dalam makna, semua ajaran Al-Qur'an itu adalah cara hidup Baginda yang wajib dicontohi dan diikut oleh seluruh umat."

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA TAHUN BARU HIJRAH 1442

MAJLIS PERASMIAN PERSATUAN BAHASA ARAB

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Penubuhan Persatuan Bahasa Arab dihasrat akan mengukuhkan sahsiah bangsa Negara Zikir dengan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menguasai bahasa Al-Quran sebagai bahasa ibadah dan budaya umat Islam sejagat.

Meskipun ada bahasa lain yang terlihat bersifat antarabangsa, namun kenyataannya dan sampai bila-bila pun tidak akan menyamai kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa umat Islam.

Bahasa Arab sangat penting dalam budaya Melayu Brunei. Melihat kepada kaitan antara Islam dengan bahasa Arab yang tidak dapat dipisahkan, maka sudah tentu bahasa Arab juga tidak dapat kita pisahkan dengan budaya Islam itu sendiri.

Majlis Perasmian Persatuan Bahasa Arab disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang turut melancarkan laman media sosial Facebook dan Instagram Persatuan Bahasa Arab.

PENYAMPAIAN DERMA MANGSA BENCANA KEBAKARAN
BILIK KUNJUNGAN, PEJABAT MENTERI,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

2 SEPTEMBER, 2020

MAJLIS PENUTUP PROGRAM *YDC LIGHT'S ON II* TAHUN 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 SEPT – Seramai 12 orang lepasan Pusat Pembangunan Belia (PPB) telah berjaya menamatkan Program *YDC Light's On II* yang berakhir dengan majlis penutup yang berlangsung di Dewan Serambi, PPB, hari ini.

Program *YDC Light's On II* dikendalikan oleh PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berjalan selama dua bulan dari 1 Julai hingga 29 Ogos lalu.

Seramai 16 orang lepasan pelatih PPB yang terpilih diberi peluang untuk menyertai program berkenaan khususnya mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan, bagaimanapun hanya 12 orang yang berjaya menamatkannya.

Antara objektif program adalah untuk memberi peluang kepada para peserta untuk menyahut seruan kerajaan dalam menjadikan bidang keusahawanan sebagai mata pencarian, melatih minda peserta untuk menjadi kreatif, inovasi dan kompetitif dalam apa jua cabaran dalam mengendalikan perusahaan.

Ia juga sebagai platform kepada para peserta untuk mendapatkan bantuan yang disediakan oleh KKBS untuk memulakan perniagaan.

Antara perisian program ialah bengkel strategi perniagaan dan program meningkatkan kepimpinan diri, lawatan, kongsisama pengusaha berjaya, dialog. perbincangan dan pembentangan kertas cadangan perniagaan, peluang tempat pemasaran.

Penolong Pengarah PPB, Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh dalam ucapannya selaku pengerusi majlis berkata, program yang telah bermula pada 2019 itu dilaksanakan bersama BIBD dan ia antara usaha untuk membantu lepasan-lepasan pelatih PPB yang ingin menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu lagi hala tuju mereka selepas mengikuti program PPB.

03.09.2020

LAWATAN KE LADANG PADI

PEMBUKAAN RASMI PUSAT AN-NUR HARAPAN

Berakas, Jumaat, 5 Sept 2020 - An-Nur Harapan, sebuah perusahaan sosial, kini memulakan operasi UNIKLEARN pusingan ketiga di pusat rasminya yang terletak di Jalan Kebangsaan.

Pusat ini memberikan tumpuan kepada latihan vokasional yang membolehkan UNIKLEARN meneruskan operasinya, di mana belia kurang upaya dapat memperoleh kemahiran hidup.

Pusat An-Nur Harapan menggunakan banglo yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada bulan Disember tahun lalu. Antara kemudahan yang terdapat di pusat ini ialah bilik latihan, dapur dan bilik dobi.

Perasmian disempurnakan pagi ini oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, Ahli Majlis Perundangan; Dayang Saidah binti Haji Wahid, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman bin Pengiran Haji Damit, Ketua An-Nur Harapan.

BARBERKU 0509.2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 September. - Program Inkubasi Pusat Pembangunan Belia (PPB) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berterusan dalam memberikan peluang kepada para belia menggunakan kemahiran yang mereka pelajari.

Program singkat Kursus Kemahiran Street Art Haircut, di PPB contohnya, adalah untuk menjadikan para belia usahawan yang mandiri, sekali gus dapat memilih keusahawanan sebagai salah satu karier pilihan mereka.

Selain menyediakan tempat inkubator dan memberikan kursus secara percuma, jelasnya, PPB juga ada menyediakan kemudahan lain. seperti pemberian bantuan kewangan 'grant' kepada pengusaha muda bagi meringankan beban mereka memulakan perusahaan.

Dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan, menurutnya, pihak PPB akan terus memantau perkembangan mereka sehingga mereka berhasil untuk mandiri dan mencipta nama.

Kedai Gunting Barberku berhasrat untuk mempelopori bidang perusahaan penggayaan rambut, kumis dan jambang kepada masyarakat dan mereka percaya terdapat ruang untuk mengembangkan industri ini dengan mengutamakan pengusaha-pengusaha belia tempatan.

PELANCARAN
PROGRAM KOMUNITI
KELAS JAHITAN
6/09/2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 September 2020 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Majlis Pelancaran Program Komuniti Kelas Jahitan bagi penghuni Pusat Penempatan Sementara, di Pusat Bahagia Brunei Muara, Kampung Pulaie.

Seramai 16 peserta akan mengikuti program tersebut, di mana program komuniti tersebut merupakan program yang keempat diadakan, melibatkan golongan ibu-ibu tunggal dan penerima bantuan kebajikan bulanan.

Antara tujuan program tersebut diadakan adalah untuk memperkasa ibu-ibu tunggal dan mereka yang berpendapatan rendah untuk mengasah kemahiran mereka dalam bidang jahitan dan keusahawanan.

Ia dihasrat agar dapat meningkatkan ekonomi golongan tertentu supaya mereka dapat mandiri dan menjadi usahawan berjaya.

Majlis Penyerahan Derma SMS Brunei Prihatin bagi Tabung Anak-Anak Yatim 1441/2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 September 2020 - Sejumlah BND350,824.00 berjaya dikumpulkan bagi Tabung Anak-Anak Yatim Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi melalui SMS Brunei Prihatin yang telah dibukakan selama 91 hari bermula 2 Mei 2020 hingga 31 Julai 2020 dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Sejumlah BND305,824.00 derma hasil kutipan daripada pelanggan DST Sdn. Bhd dan sebanyak BND10,000.00 hasil sumbangan daripada Syarikat DST Sdn. Bhd diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST Sdn. Bhd, Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni.Progresif Sdn. Bhd. berjaya mengutip sejumlah BND31,536.00 hasil kutipan daripada pelanggan Progresif Sdn. Bhd. dan sebanyak BND3,464.00 hasil sumbangan Syarikat Progresif Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Projek ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai sejak mula dilaksanakan pada tahun 2005 di mana semua hasil kutipan yang diterima disumbangkan sepenuhnya ke Tabung Anak-Anak Yatim.

Hasil kutipan derma yang diterima menunjukkan keprihatinan dan pemedulian yang berterusan daripada orang ramai terhadap golongan yang kurang bernasib baik terutama anak-anak yatim di negara ini.

Dalam hal ini, pihak KKBS akan berusaha memastikan hasil kutipan Tabung Anak-Anak Yatim akan digunakan untuk menangani keperluan anak-anak yatim bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan mereka 'dikelinga' dengan lebih khusus selain daripada penyerahan derma yang lazim diadakan.

Pihak KKBS juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak RTB, DST Sdn. Bhd. dan Progresif Sdn. Bhd. dalam sama-sama menjayakan kempen SMS Brunei Prihatin bagi tahun 1441/2020 dan diharapkan hubungan kerjasama ini dapat membantu meringankan bebanan serta menjamin kesejahteraan anak-anak yatim di negara ini.

Orang ramai juga boleh menderma ke Tabung Anak-Anak Yatim secara dalam talian (online) melalui Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau memasuk-kan derma ke Tabung Anak-Anak Yatim melalui nombor akaun 00001010049034 atau menghantar derma terus ke JAPEM.

KUNJUNGAN PERPISAHAN

Tuan Yang Terutama Naib Marsyal Udara (B)
Mahmud Hussain
REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH

09 September 2020

Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

KURSUS LEADERSHIP
12.09.2020

Majlis Doa Selamat Penuaian Padi Musim ke 2 dan Pembahagian Zakat di Ladang Padi Agrobiz IBTE Compus Agro Teknologi, Wasan

10/09/2020

Sempena penuaian padi musim kedua di bawah projek AgroBiz, majlis kesyukuran telah diadakan di Ladang Padi, AgroBiz, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi, Kampung Wasan pada pagi ini di mana penyerahan zakat hasil tuaian musim pertama turut diadakan.

Projek AgroBiz telah menghasilkan kira-kira 8.5 metrik tan sehektar bagi tuaian pertama pada 18 Februari yang lalu dan sebahagian daripada hasil tersebut disumbangkan kepada beberapa keluarga yang memerlukan di negara ini sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).hasil tuaian pertama itu juga akan diagih-agihkan kepada asnaf zakat yang berhak melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Projek bermatlamat untuk membekalkan usahawan-usahawan pertanian muda dengan ilmu pengetahuan teknikal yang mencukupi dalam penanaman padi dan mengembangkan lagi kemahiran usahawan pertanian untuk membantu mereka memajukan ladang padi mereka sendiri dan memulakan perniagaan.

Pembabitan AgroBiz LiveWIRE dalam mengendalikan kursus-kursus berkenaan tidak terhad kepada para pelajar IBTE bahkan dibukakan kepada orang awam yang ingin bergiat dalam bidang keusahawanan.

PERASMIAN PAMERAN
'FLOWING ANCIENT RIVER' OLEH PG ABD WAHAB HASSAN AL-ABBAS

MANGGIS, Sabtu, 12 September 2020 - Kedutaan Republik Turki menganjurkan buat pertama kalinya Pameran Lukisan hasil karya Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas, yang diadakan di kedutaan republik berkenaan yang beralamat di No. 27, Simpang 52, Kampung Manggis Satu bermula 12 September hingga 20 September 2020.

Pameran The Flowing Ancient River itu mempamerkan sebanyak 194 buah lukisan dalam tiga tema yang berbeza, namun berkait rapat di antara satu dengan lainnya, iaitu 'spiritual development', 'nature' dan 'Kampong Ayer' yang dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa pameran tersebut akan dibukakan kepada orang ramai bermula esok hingga 20 September 2020 di ruang legar kedutaan berkenaan bermula jam 9.30 pagi hingga 5.30 petang.

Menurut TYT, pelbagai acara sampingan turut diadakan sebagai memanfaatkan pengalaman Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas yang kini sudah 24 tahun melibatkan diri dalam bidang seni lukisan.

Selain itu katanya, sesi interaktif melukis secara langsung bersama Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas, Pengiran Timbang bin Pengiran Haji Tuah dan Dr. Haji Zakaria bin Abd. Hamid, para pelukis muda serta pelajar jurusan lukisan pada jam 10.00 pagi, sementara pada jam 3.00 petang, kelas induk akan diadakan esok bersama para pelukis muda.

Sementara pada Khamis pula, jam 3.00 petang, sesi perbincangan mengenai lukisan akan dikendalikan oleh Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas, Pengiran Timbang bin Pengiran Haji Tuah dan moderator Awang Osman Mohammad, manakala pada Jumaat, 18 September 2020, jam 4.30 petang, satu kelas induk akan diadakan bersama kanak-kanak kelainan upaya.

"Hasil daripada penjualan pameran tersebut itu juga nanti, sebanyak 20 peratus akan didermakan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan 10 peratus pula akan didermakan kepada kesejahteraan haiwan," ujar Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas dalam ucapan alu-aluannya.

[Sumber: Pelita Brunei]

Berita: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim - Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 September 2020 – Bagi melatih dan mendidik golongan belia untuk menjadi pemimpin yang berpotensi, Al-Huffaz Leaders mengadakan Program Kepimpinan Al-Huffaz (Al-Huffaz Leadership Programme) 2020.

Program berkenaan bermatlamat untuk membina sifat kepimpinan, meningkatkan kesedaran dan melahirkan bakal pemimpin menerusi aktiviti-aktiviti berkonsepkan sahsiah, kepimpinan dan kesenian Islam.

Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada para peserta diadakan di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei dengan disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS MAWLID DAN MAJLIS PENUTUP PROGRAM KEPIMPINAN AL-HUFFAZ 2020

FORUM SEMPENA SAMBUTAN AWAL TAHUN 1442 HI-JRAH:
'PERANAN BELIA MENUJU WAWASAN 2035'

MASJID HASSANAL BOLKIAH, KAMPUNG PERPINDAHAN MENTIRI
16 September 2020

MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA PANDU PENILAIAN PERSEDIAAN SUKAN ASIA TENGGARA (SEA GAMES)

Stadium Negara Hassanal Bolkiah

16 September 2020

PENYERAHAN DERMA BAGI KELUARGA KKBS YANG TELAH KEMBALI KERAHMATULLAH

17 SEPTEMBER 2020
BILIK KUNJUNG HORMAT
TINGKAT 8

PELANCARAN BUKU CERITA BERGAMBAR SEJARAH BRUNEI
TERJEMAHAN BAHASA ARAB DAN
PENANDATANGANI MOU UNISSA & PUSAT SEJARAH BRUNEI

DEWAN AUDITORIUM, UNISSA, GADONG
17SEPTEMBER 2020

TAKLIMAT LIFE SAVER 995

19 September2020
STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PAMERAN PAKATAN PEREKA FESYEN

19 SEPTEMBER2020
BUTIK KARYA KITANI



DIALOG SEMPENA WORLD DEMENSIA MONTH

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 September 2020 - Penyakit Alzheimer bukanlah sesuatu yang diinginkan oleh siapa pun, namun sebagai keluarga dan teman, kita harus memberikan perhatian kepada para penderita Alzheimer.

Setiap 21 September, dunia akan memperingati World Alzheimer's Day (Hari Alzheimer Sedunia) di mana tarikh tersebut dikhususkan bagi peringatan untuk memberikan dokongan moral 'support' dan motivasi bagi para penderita penyakit Alzheimer.

Sehubungan itu, Demensia Brunei tidak ketinggalan memperingati Hari Alzheimer Sedunia selaku badan bukan kerajaan (NGO) yang memfokuskan kepada memberikan kesedaran mengenai Demensia bagi penduduk Negara Brunei Darussalam dan seterusnya memperbaiki kualiti kehidupan individu yang mengalami Demensia.

Objektif Demensia Brunei adalah supaya Negara Brunei Darussalam (NBD) akan dapat menjadi sebuah negara yang mesra bagi individu-individu yang mempunyai Demensia. Pada tahun ini, Demensia Brunei dengan kerjasama dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Kesihatan mengadakan dialog dalam talian mengenai Demensia.

Bagi memastikan penduduk NBD, terutama sekali warga emas dapat menghadiri dialog tersebut, tempat penayangan dibukakan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE dari Daerah Brunei dan Muara dan Tutong) dan Pusat Masyarakat Bestari dan Dewan Bahasa dan Pustaka (Daerah Belait).

Dialog ini akan mengetengahkan profesional dari dalam dan luar negeri yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai Demensia. Dialog ini akan membincangkan pelbagai topik mengenai Demensia seperti medikal, isu sosial dan tanggungjawab komuniti.

Go Digital Brunei Darussalam
21.09.2020

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Big BWN Project mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Bengkel Go Digital ASEAN kepada peserta Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berlangsung di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara

Seramai 12 peserta daripada OKU berjaya menamatkan bengkel berkenaan. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pegawai-pegawai kanan di KKBS, JAPEM dan Big BWN Project.

Bengkel tersebut adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif Go ASEAN Digital - Brunei Darussalam untuk meningkatkan literasi digital di kalangan belia yang menganggur, orang kurang berkemampuan dan orang kelainan upaya.

KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

21.09.2020
BILIK KUNJUNG HORMAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

KUNJUNGAN PERPISAHAN

Tuan Yang Terutama
Lim Hong Huai High Commissioner of The Republic of Singapore

22 September 2020

Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan





KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI KEMBOJA KE BRUNEI DARUSSALAM

Tuan Yang Terutama Hok Sophea,
Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam,

22.09.2020
BILIK KUNJUNG HORMAT
Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan



KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SINGAPURA

Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Sidek bin Ali,

23.09.2020
BILIK KUNJUNG HORMAT
Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan

MAJILIS RESEPSI HARI KEBANGSAAN KESULTANAN ARAB SAUDI KE-90
23.09.2020

JERUDONG, Rabu, 23 September 2020 - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kerajaan Arab Saudi Ke-90, satu Majlis Resepsi diadakan di Indera Samudra Hall 2, The Empire Brunei.

Hadir mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri.

Terdahulu, lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Muhammad bin Ali dari Sekolah Arab Rimba.

Acara kemuncak majlis ialah sesi memotong kek disempurnakan oleh tetamu kehormat, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz bin Saad Al Muhanna disertai oleh Dean of the Diplomatic Missions dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al -Maskari dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh R. Al Mutairi.

Majlis diserikan dengan tayangan video mengenai kerajaan Arab Saudi dan juga diadakan pameran yang memaparkan buku-buku, poster, bahan artifak dan gambar-gambar mengenai negara Arab Saudi.

[Sumber: Pelita Brunei]

Berita: Hernie Suliana Haji Othman - Penerangan

24 September 2020

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
BRUNEI DARUSSALAM

Kenyataan Media
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

1. **PENGEMASKINIAN GARISPANDU BAGI PENGANJURAN PERTANDINGAN ATAU KEJOHANAN.**

2. **PERLAKSANAAN DE-ESCALATION TAHAP KEEMPAT BAGI KOLAM RENANG.**

Alhamdulillah, berdasarkan nasihat pihak Kementerian Kesihatan, sukacita Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan mengenai dua perkara: Pertama, pengemaskinian garispanduan bagi acara sukan; dan Kedua, perkembangan tahap de-escalation bagi Kolam Renang. Kesemua perubahan dan perlaksanaan akan bermula pada hari Isnin, 10 Safar 1442 bersamaan 28 September 2020.

Perkara pertama. Pengemaskinian garispanduan bagi acara sukan. Bermula pada hari Isnin, 28 September 2020, penganjuran pertandingan atau kejohanan adalah dibenarkan bagi **enam (6) jenis sukan individu atau *'individual sports'* sahaja, iaitu:**

a) Badminton
b) Squash
c) Tennis
d) Ping Pong
e) Sepak Takraw
f) Golf

Ke arah itu, beberapa garispandu hendaklah dipatuhi seperti berikut:

1. Pertama, penganjuran adalah dihadkan kepada ***'single match'* atau *'double match (pairs)'* sahaja.** Ke arah itu, pihak penganjur hendaklah **menyediakan jadual perlawanan yang teratur agar** bagi mengelakkan perkumpulan ramai dalam satu masa. Para peserta juga hendaklah **meninggalkan fasiliti sebaik sahaja selesai perlawanan atau acara penyampaian hadiah.**

2. Kedua, sepertimana garispanduan bagi *Organised Sports*, pihak penganjur dimestikan untuk **mendapatkan kebenaran bagi penganjuran pertandingan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti lazimnya**, dan hendaklah turut menghadapkan perancangan **langkah-langkah pengawalan COVID-19** selaras dengan Garispanduan Kementerian Kesihatan semasa menghadapkan permohonan.

3. Ketiga, **kehadiran para penonton adalah tidak dibenarkan**. Walau bagaimanapun, pihak penganjur hendaklah memastikan **kehadiran semasa** pertandingan adalah **di tahap yang terhad iaitu hanya kepada peserta, jurulatih, pengurus dan Jawatankuasa Penganjur sahaja.**

4. Keempat, diingatkan kepada para penganjur dan peserta untuk sentiasa **mematuhi garispandu Kementerian Kesihatan** khususnya dalam **mengamalkan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), penjarakkan fizikal (*physical distancing*), menyediakan dan menggunakan Kod QR Applikasi BruHealth bagi sebarang penganjuran** serta **memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan semua pihak**.

Perkara Kedua. Peningkatan **de-escalation dari tahap ketiga ke tahap keempat bagi Kolam Renang**. Dibawah tahap keempat, kapasiti penggunaan adalah ditingkatkan dari 80% ke **100% kapasiti** serta **tidak melebihi 100 orang dalam satu masa** tertakluk kepada kapasiti kolam renang. Garispanduan lain adalah sama seperti yang sedang dilaksanakan.

Sebelum menutup, sukacita dikongsikan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sangat menyambut baik semangat orang ramai untuk terus bersenam dan memelihara kecergasan masing-masing melalui pelbagai aktiviti fizikal dalam mempraktikkan *healthy lifestyle*. Statistik menunjukkan lebih 480,000 individu telahpun menggunakan fasiliti-fasiliti sukan sejak ianya mula dibukakan dimana jumlah ini belum termasuk aktiviti mendaki bukit (*hiking*) dan berlari di kawasan terbuat. Walau bagaimanapun, dengan pengemaskinian garispanduan *social distancing,* diingatkan kepada orang ramai untuk tidak bersikap *complacent* dan untuk terus mematuhi garispandu yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan. Para penganjur turut mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap garispanduan dipatuhi dalam sebarang penganjuran dan hendaklah mengambil langkah untuk memastikan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ataupun perlawanan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garispandu yang terperinci mengenai pengemaskinian garispanduan yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan melayari laman web www.kkbs.gov.bn. Sekian disampaikan, didoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan sentiasa memberikan kita rahmat, perlindungan serta nikmat kesihatan yang berpanjangan. Amin Ya Rabbal alamin.

- TAMAT -

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
6 Safar 1442 bersamaan 24 September 2020

400 Wira fajar imarahkan masjid

TUTONG, 25 SEPT – Seramai 400 orang terdiri daripada belia, ahli jawatankuasa takmir masjid, pegawai-pegawai kerajaan dan penduduk sekitar Kampung Bukit Panggal hari ini menyertai Program Sembahyang Subuh Berjemaah Wira Fajar Belia ke-2 di Masjid Ar-Rahim, Tutong.

Program diisikan dengan sembahyang Subuh berjemaah diikuti dengan tazkirah Subuh bertajuk 'Ciri-ciri Pendidikan Islam' disampaikan oleh Ketua Unit Penguatkuasaan Ugama Daerah Belait, Haji Khairulizam bin Haji Jefrey, bacaan Surah Al-Kahfi dan diakhiri dengan sembahyang Dhuha.

Program tersebut dihasratkan dapat mendidik para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada mereka untuk memanfaatkan masa dan melakukan aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Selain Daerah Tutong, program itu juga akan dilaratkan ke daerah-daerah lain bagi menggalakkan belia mengimarahkan masjid dan orang ramai dialu-alukan bersama memeriahkan program itu.

LAWATAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KE PUSAT BAHAGIA

26.09.2020

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK SINGAPURA MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN SOCIAL



Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura hari ini memperluaskan lagi hubungan istimewa yang telah lama terjalin di antara kedua buah negara, dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (*MoU) dalam bidang Pembangunan Sosial antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, Republik Singapura. Majlis Penandatanganan telah dilaksanakan secara persidangan video.*

MoU tersebut berperanan sebagai asas bagi mengadakan kerjasama praktikal dan program-program peningkatan kapasiti, antaralain melalui perkongsian amalan terbaik dan pertukaran maklumat; penempatan kerja dan pelaksanaan program latihan berkaitan hal ehwal kebajikan, perkhidmatan kebajikan dan perlindungan mengenai kanak-kanak, warga emas, wanita dan orang kelainan upaya (OKU).

MoU berkenaan ditandatangani oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Mulia *Mr*. Stanley Loh Ka Leung, Setiausaha Tetap Kedua, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga bagi pihak Kerajaan Republik Singapura.

Sebelum Majlis Penandatanganan berlangsung, kedua-dua Menteri telah bertukar pandangan mengenai isu-isu yang ditangani oleh kedua-dua Kementerian. Dalam mempraktikkan dan menyesuaikan keadaan terhadap norma-norma baru berikutan perkembangan terkini pandemik *COVID-19*, kedua-dua Menteri menekankan pentingnya untuk mengukuhkan dan memperkayakan lagi hubungan kerjasama ini pada masa yang akan datang, terutamanya dalam memastikan perkhidmatan dan perlindungan sosial akan terus diperkukuhkan dalam jangka masa yang panjang demi kemanfaatan golongan yang terjejas (*vulnerable groups*) di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

PEGAWAI & KAKITANGAN KKBS & JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA YANG:

NAIK PANGKAT / PINDAH / BARU MELAPOR / BERSARA (PENCEN) / KEMBALI KERAHMATULLAH

No	Nama	Dari	Ke	Tarikh Naik Pangkat
1	Dyg Nur' Amirah binti Aimi	Bhg Pentadbiran dan Kewangan, KKBS (Pekerja Tingkat III 'Open Vote')	Bhg Pentadbiran dan Kewangan, KKBS (Pembantu Pejabat di Jabatan-Jabatan Kerajaan)	2 Jun 2020

Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada mangsa kejadian Bencana kebakaran Daerah Brunei Muara

29/09/2020

Tingkat 8
Kementerian Kebudayaan,Belia dan Sukan

MAJLIS DOA KESYUKURAN WARGA KKBS MERAIKAN HARI PERKHIDMATAN AWAM

30 SEPTEMBER 2020

PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 18 September 2020M/ 30 Muharram 1442H

ILMU

- Sangat berharga dan tinggi nilainya
- Kunci kejayaan dan kegemilangan tamadun dan bangsa
- Semua orang tidak mengira peringkat umur perlu terus berusaha mencari ilmu dari semasa ke semasa

KUALITI PENDIDIKAN

- Memberikan impak tinggi kepada kemajuan dan kejayaan sesebuah negara
- Tema Sambutan Hari Guru 2020: Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar
- Pelbagai inovasi telah diaksanakan bagi meningkatkan kualiti Pendidikan
- Bukan saja dari segi akademik, tetapi juga dari segi nilai akhlak mulia pelajar

THANK YOU

APA YANG KITA BOLEH LAKUKAN KEPADA PARA GURU?

Hargai jerih payah mereka; antara cara yang boleh dilakukan: mengucapkan ucapan "Terima kasih"

Marilah sama-sama berdoa agar mereka sentiasa dilimpahkan taufiq dan hidayah serta diberikan kekuatan dan kesabaran dalam mendidik membimbing anak watan. Mudah-mudahan Allah sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada para guru dan pendidik samaada yang masih hidup ataupun yang telah kembali ke Rahmatullah

SIAPA DIA GURU/PENDIDIK?

- Insan yang mulia yang diberikan kedudukan yang tinggi
- Bukanlah tugas yang mudah
- Hendaklah sentiasa bersifat sabar, tabah, 'inda bekusut' dalam mendidik dan menyampaikan ilmu kepada pelajar
- Salah satu tanggungjawap guru yang perlu diambil ingat: Membentuk akhlak dan syakhsiah dalam diri pelajar

Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam
Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.